

19 SEP 1998

Osman-Anwar

ANWAR TAK AKAN MENANG DI KUBANG PASU, KATA UMNO BAHAGIAN

JITRA, 19 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan mendapat sokongan jika beliau mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum akan datang, kata Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Tan Sri Osman Aroff.

Beliau berkata Anwar yang juga bekas Timbalan Presiden Umno itu akan tewas kerana seluruh jentera Umno di sini akan memberi sepenuh sokongan kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir adalah anggota Parlimen kawasan Kubang Pasu dan Ketua Umno bahagian itu.

"Anwar boleh bertanding di mana sahaja beliau suka tetapi kalau di sini dia tidak akan menang," kata Osman pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat khas jawatankuasa Umno bahagian, di sini hari ini.

Semalam, Anwar berkata di Kuala Terengganu beliau tidak menolak kemungkinan akan mencabar Dr Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum nanti.

Anwar berkata, jika beliau tidak dapat bertanding berikutan pelbagai peraturan yang dikenakan bagi menghalangnya, isterinya Wan Azizah Wan Ismail akan bertanding melawan Dr Mahathir.

Sementara itu, Osman berkata dalam mesyuarat khas itu Umno Kubang Pasu telah sebulat suara menyokong tindakan Perdana Menteri memecat Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Katanya, tindakan Majlis Tertinggi Umno memecat Anwar sebagai anggota Umno turut disokong.

Osman, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu, berkata keputusan mesyuarat itu juga mendapat sokongan parti-parti komponen BN Kubang Pasu.

Yang turut hadir pada sidang berita itu ialah Ketua-ketua MCA, Gerakan, MIC dan pemimpin masyarakat Thai dalam bahagian Kubang Pasu.

-- BERNAMA

MN khy